

Innohub bantu pasarkan produk inovasi penyelidik

SEBAGAI salah sebuah universiti penyelidikan terkemuka negara, Universiti Putra Malaysia (UPM) sentiasa komited dan menggalakkan penyelidik serta pelajar mereka menghasilkan produk-produk inovasi dari semasa ke semasa.

Dalam usaha memasarkan inovasi-inovasi yang dihasilkan itu, satu program pembangunan usahawan teknologi iaitu Innohub di bawah kendalian Putra Science Park (PSP) dilancarkan.

Pengarah PSP, Prof. Madya Dr. Samsilah Roslan berkata, Innohub merupakan makmal inovasi pasaran yang menggunakan pelan perniagaan lestari bagi produk atau teknologi



SAMSILAH

yang dihasilkan untuk memasuki pasaran.

“Bukan senang untuk sesuatu produk atau teknologi baharu itu masuk ke pasaran. Jadi, di Innohub kami menggunakan strategi inovatif agar hasil kajian penyelidik UPM diterima dalam pasaran.

“Misalnya produk nanoselulosa. Kami mesti mengetahui sasaran kumpulan yang akan menggunakannya. Jadi, kami akan merancang pembangunan dan pelan perniagaan agar produk itu mendapat permintaan di pasaran,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambahnya, pelaksanaan program Innohub telah menarik penyertaan 52 syarikat yang

ditubuhkan oleh pelajar dan penyelidik untuk mengkomersialkan produk atau teknologi yang dihasilkan.

Dalam pada itu, Samsilah menjelaskan, PSP adalah satu platform yang membolehkan pihak industri bekerjasama dengan penyelidik UPM.

“Melalui PSP, syarikat-syarikat luar boleh berkolaborasi dengan penyelidik UPM untuk membangunkan sesuatu teknologi atau produk dan kemudian mengkomersialkannya dalam pasaran.

“Ia bukan sahaja melibatkan syarikat tempatan tetapi syarikat multinasional dari Amerika Syarikat dan Australia telah bekerjasama dengan penyelidik UPM,” katanya.

Tambahnya, PSP akan membantu dari segi menguruskan perjanjian antara penyelidik dan syarikat yang menjalinkan kerjasama.